

Headline	REAKSI		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	24	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	125 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,493
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,480



## REAKSI

● JADIKAN pendidikan sebagai medium penyatuan rakyat di Malaysia.

Program pendidikan perlu dijana secara menyeluruh dan tidak hanya melibatkan sudut kebijaksanaan sahaja, malah perlu diambil kira faktor lain seperti bakat atau kemahiran bagi melahirkan modal insan yang lebih produktif.

**-PROF. DATUK DR. MOHAMED MUSTAFA ISHAK**  
Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM)



● JURANG perbezaan pendidikan di bandar dan luar bandar masih ketara dan tidak banyak berubah. Diharapkan selepas ini, tumpuan lebih khusus dititikberatkan dalam aspek tersebut.

Usaha memperkasakan bahasa Melayu juga haruslah dibuat seiring dengan perubahan meningkatkan kualiti pencapaian bahasa Inggeris agar kecemerlangan dua bahasa ini dapat diseimbangkan.

**-PROF. MADYA DATUK MOHD. ALI HASSAN.**  
Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru

Nasional (PIBGN).



● TRANSFORMASI pendidikan yang dilakukan kerajaan dilihat sebagai langkah tepat dalam meningkatkan mutu pendidikan negara termasuk menyediakan peluang menimba ilmu kepada semua masyarakat terutama di luar bandar.

Transformasi yang dilakukan ini perlu bersifat berterusan agar mutu pendidikan negara dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

**-DATUK DR. RADIN UMAR RADIN SOHADI**  
Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM).

● BEBERAPA aspek perlu diberi penekanan di peringkat pelaksana terutama pembinaan nilai-nilai insaniah dalam diri setiap pelajar. Pencapaian kokurikulum juga lebih baik dan meningkat.

Bagaimanapun, sehingga sekarang, masalah disiplin pelajar dan gejala sosial melibatkan golongan ini masih terus berleluasa.

**-AWANG MOHAMAD**  
Bekas Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (Kongres).

